



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

HIDUP SENGSARA KERANA RASUAH

Tarikh:

02 APRIL 2021M / 19 SYAABAN 1442H

**Disediakan oleh :
Bahagian Rujukan Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pahang**



HIDUP SENGSARA KERANA RASUAH

2 April 2021M/ 19 Syaaban 1442H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Rasuah ertinya menyogok atau memberi suapan dalam pelbagai bentuk. Ada yang memberi rasuah untuk mendapatkan projek jutaan ringgit, untuk menang apa-apa pertandingan, untuk mengelakkan tindakan atas kesalahan atau melindungi aktiviti jenayahnya, untuk mempercepatkan



kelulusan permohonannya, untuk menang pilihanraya dan macam-macam lagi.

Apa pun bentuknya, rasuah adalah perbuatan yang haram lagi terkutuk. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ

لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: "Dan janganlah kamu makan harta antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:



لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

Yang bermaksud: “*Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.*”

Tidakkah pemberi atau penerima rasuah merasa gerun dengan amaran ini? Masih ingatkah kita baru-baru ini bagaimana rasuah dipercayai menjadi punca daging-daging sejuk beku yang bercampur aduk dengan daging tidak halal telah lepas dibawa masuk ke negara ini. Berapa ramaikah umat Islam telah termakan daging-daging ini angkara perasuah dan penerima rasuah?

Ingatlah, rasuah merupakan perbuatan khianat kerana dengan rasuah kita telah menzalimi orang lain, merampas hak orang lain dan akibat yang lebih besar daripada itu, kita mungkin menjahanamkan negara kita sendiri.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan jangan pula kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahui (salahnya).*”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.